

21 APR 1998

SATU LAGI PERISTIWA BERSEJARAH HUBUNGAN M'SIA/THAILAND DI HAADYAI

Oleh: Amer Hamzah Mohd Sap

HAADYAI (Thailand), 21 April -- Setelah hampir 10 tahun, ibu negeri Wilayah Songkhla di Selatan Thailand ini kini bersiap sedia untuk mencipta satu lagi peristiwa bersejarah dalam hubungan Malaysia/Thailand.

Pada 2 Dis, 1989, Haadyai menyaksikan upacara menandatangani perjanjian damai antara Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng dan kerajaan Malaysia.

Pada majlis yang bersejarah itu, Chin Peng melahirkan ikrar taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong dan negara.

Peristiwa esok pula ialah mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama Perdana Menteri Thailand Chuan Leekpai yang akan menyaksikan upacara menandatangani perjanjian pembelian gas asli oleh Petronas dan Petroleum Authority of Thailand dari Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand.

Majlis itu akan diadakan di General Prem Tinsulanonda Park, 30 minit perjalanan dari sini.

Selepas majlis itu, Dr Mahathir dijadual mengadakan mesyuarat dengan Chuan serta menghadiri jamuan makan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri Thailand itu sebelum beliau pulang ke Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

AHM RHM MAI